



Saya Boleh Atau Saya Tidak Boleh

Tempoh Bahaya Kebakaran –
sekatan terhadap perbuatan menyalakan api di tempat terbuka bermula pada saat CFA mengumumkan Tempoh Bahaya Kebakaran di sesuatu perbandaran. Sekatan berkuatkuasa sehingga 1hb. Mei kecuali jika arahan ditarik balik.

Larangan Penuh Menyalakan Api –
Larangan Penuh Menyalakan Api diisytiharkan pada hari-hari apabila bahaya kebakaran tinggi, apabila api boleh memarak dengan cepat dan sukar dikawal.

<p>Bolehkah saya mengadakan barbeku, membuat unggun api atau menyalakan api untuk memanaskan badan atau untuk keselesaan diri?</p>	<p>Boleh – tetapi hanya jika:</p> <ul style="list-style-type: none"> • laju angin tidak lebih dari 10km sejam; dan • api dinyalakan di tempat perapian yang terbina dengan betul atau di dalam parit yang sekurang-kurangnya 30cm dalamnya; dan • api itu berada sekurang-kurangnya 7.5 meter dari balak atau tunggul; dan • tidak kedapatan bahan-bahan yang mudah terbakar di kawasan tanah dan udara sekurang-kurangnya 3 meter dari api; dan • api dan bahan api yang digunakan adalah paling minimum yang diperlukan bagi tujuan itu dan kawasan api harus tidak luas dari 1 meter per segi; dan • ada orang yang sentiasa hadir semasa api menyala. <p>Sila ambil perhatian bahawa di bawah Akta CFA, 'perapian yang dibina dengan betul' bererti perapian yang dibina dengan batu, logam, konkrit atau lain-lain bahan yang tidak terbakar supaya api dapat dikawal.</p> <p>Sebuah alat barbeku yang dibina untuk jualan adalah dianggap sebagai perapian yang dibina dengan betul.</p>	<p>Boleh – Alat barbeku yang tetap, menggunakan tenaga gas atau elektrik, dan dibina di atas struktur tetap dari batu-bata, batu atau konkrit dengan syarat:</p> <ul style="list-style-type: none"> • tidak ada bahan yang mudah terbakar di kawasan keliling barbeku sejauh 3 meter; dan • anda menyediakan hos yang dipasangkan ke paip air atau bekas air yang boleh memuatkan 10 liter air; dan • seorang dewasa sentiasa hadir semasa api menyala. <p>Boleh – barbeku mudah alih yang menggunakan tenaga gas atau elektrik dengan syarat:</p> <ul style="list-style-type: none"> • barbeku itu diletakkan tidak lebih dari 20 meter jauhnya dari tempat kediaman (tempat kediaman mudah alih seperti rumah bergerak, karavan atau kemah tidak dianggap sebagai tempat kediaman di bawah Akta CFA); dan • tidak ada bahan yang mudah terbakar di kawasan keliling barbeku sejauh 3 metres; dan • anda menyediakan hos yang dipasangkan ke paip air atau bekas air yang boleh memuatkan 10 liter air; dan • seorang dewasa sentiasa hadir semasa api menyala. <p>Tidak boleh – Unggun api, untuk memanaskan badan atau untuk keselesaan diri, dan barbeku and ketuhar yang menggunakan bahan bakar pepejal atau cecair dilarang semasa Larangan Penuh Menyalakan Api.</p>
<p>Saya seorang penyedia makanan. Bolehkah saya menyalakan api untuk BBQ atau pencucuk di acara di luar rumah?</p>	<p>Boleh – tetapi hanya jika:</p> <ul style="list-style-type: none"> • laju angin tidak lebih dari 10km sejam; dan • api dinyalakan di tempat perapian yang terbina dengan betul atau di dalam parit yang sekurang-kurangnya 30cm dalamnya; dan • api itu berada sekurang-kurangnya 7.5 meter dari balak atau tunggul; dan • tidak kedapatan bahan-bahan yang mudah terbakar di kawasan tanah dan udara sekurang-kurangnya 3 meter dari api; dan • api dan bahan api yang digunakan adalah paling minimum yang diperlukan bagi tujuan itu dan kawasan api harus tidak luas dari 1 meter per segi; dan • ada orang yang sentiasa hadir semasa api menyala. <p>Sebuah alat barbeku yang dibina untuk jualan adalah dianggap sebagai perapian yang dibina dengan betul.</p>	<p>Boleh – tetapi hanya jika anda mendapatkan permit bertulis yang dikeluarkan oleh CFA dan anda mematuhi syarat-syarat permit itu.</p> <p>Pegawai-pegawai Pencegahan Kebakaran Perbandaran tidak boleh mengeluarkan permit itu.</p> <p>Permit diberikan kepada orang-orang perseorangan atau organisasi kebajikan masyarakat supaya membolehkan mereka menyalakan api bagi memasak untuk orang-orang lain sebagai aktiviti perniagaan. Permit ini dikeluarkan oleh Pejabat Daerah CFA anda.</p>
<p>Bolehkah saya menggunakan sebuah pembakar?</p>	<p>Boleh – dengan syarat:</p> <ul style="list-style-type: none"> • anda menghubungi majlis dan memastikan jika ada undang-undang tempatan yang menentukan syarat, menghadkan atau melarang penggunaan pembakar (misalnya, larangan pada hari-hari berwaspada terhadap asbut, tempat-tempat tertentu dan hari-hari tertentu) • api itu dihadkan kepada bahagian dalam pembakar, dan • gerak angin tidak lebih dari 10km sejam; dan • kawasan dikelilingi pembakar sejauh 3 meter dibersihkan dari bahan-bahan yang mudah terbakar; dan • disediakan bekalan air yang cukup untuk memadam api semasa api menyala; dan • ada orang yang hadir sepanjang masa api menyala. 	<p>Tidak boleh – pembakar dilarang digunakan dalam tempoh Larangan Penuh Menyalakan Api.</p>
<p>Bolehkah saya menyalakan api di tempat terbuka untuk membakar rumput, tunggul jerami, rumpai, tumbuhan bawah atau lain-lain tumbuhan?</p>	<p>Boleh – Tetapi hanya jika:</p> <ul style="list-style-type: none"> • anda mendapatkan permit bertulis yang dikeluarkan oleh Pegawai Pencegahan Kebakaran Perbandaran atau Pejabat Daerah CFA; dan • anda patuh kepada syarat-syarat permit itu; dan • ada orang yang hadir sepanjang masa api itu menyala. <p>Kebanyakan majlis-majlis melarang pembakaran tumbuhan-tumbuhan pada hari-hari berwaspada terhadap asbut.</p>	<p>Tidak boleh – api di tempat yang terbuka untuk membakar rumput, belukar, tunggul jerami atau sampah-sarap dilarang semasa tempoh Larangan Penuh Menyalakan Api</p> <p>Semua permit yang dikeluarkan oleh Pegawai-pegawai Pencegahan Kebakaran Perbandaran ditangguhkan semasa tempoh Larangan Penuh Menyalakan Api.</p>



Saya Boleh Atau Saya Tidak Boleh

	<p>Tempoh Bahaya Kebakaran – sekatan terhadap perbuatan menyalakan api di tempat terbuka bermula pada saat CFA mengumumkan Tempoh Bahaya Kebakaran di sesuatu perbandaran. Sekatan berkuatkuasa sehingga 1hb. Mei kecuali jika arahan ditarik balik.</p>	<p>Larangan Penuh Menyalakan Api – Larangan Penuh Menyalakan Api diisytiharkan pada hari-hari apabila bahaya kebakaran tinggi, apabila api boleh memarak dengan cepat dan sukar dikawal.</p>
<p>Bolehkah saya menjalankan aktiviti mengimpal, mengisar, memateri atau menggunakan alat pemotong gas?</p>	<p>Boleh – tetapi hanya jika:</p> <ul style="list-style-type: none"> • perisai tahan api digunakan untuk menahan percikan api dan lain-lain; dan • sekurang-kurangnya 1.5 meter kawasan dikeliling aktiviti dibersihkan dari bahan mudah terbakar atau dibasahkan sehingga dapat mencegah api merebak; dan • anda ada bekalan air atau beg penyembur air yang boleh menampung sebanyak 9 liter air; dan • ada orang yang hadir sepanjang masa api menyala; dan • semua bahan-bahan yang dipotong dan yang panas diletakkan di dalam bekas yang tahan api. 	<p>Tidak boleh – Aktiviti seperti mengimpal, menggunakan alat pemotong gas, memanteri, mengisar, menghanguskan, mengambil madu dan memanaskan bitumen yang boleh menyalakan api atau menghasilkan haba dilarang semasa tempoh Larangan Penuh Menyalakan Api.</p> <p>Boleh – dalam beberapa keadaan, CFA akan mengeluarkan permit kepada organisasi kebajikan masyarakat, korporasi berkanun, majlis, atau operasi perindustrian atau perdagangan atau bagi tujuan hiburan orang awam yang membenarkan organisasi-organisasi itu menjalankan aktiviti-aktiviti berkenaan semasa tempoh Larangan Penuh Menyalakan Api. Permit ini mesti dikeluarkan oleh pejabat-pejabat daerah CFA, dan tidak boleh dikeluarkan oleh Pegawai-pegawai Pencegahan Kebakaran Perbadanan.</p>
<p>Bolehkah saya membawa kereta keatas tempat-tempat yang bertanaman, rumput, tunggul jerami, rumpai, tumbuhan bawah atau lain-lain tumbuhan?</p>	<p>Boleh – Tetapi hanya jika kenderaan itu dipasang dengan alat penyenyap yang baik yang boleh menyedut semua asap ekzos dari enjin melalui alat penyeyap itu.</p> <p>Anda harus mengelakkan diri dari memandu kereta melalui tumbuh-tumbuhan yang kering dalam cuaca panas dan kering, walaupun tidak ada Larangan Penuh Menyalakan Api, oleh sebab risiko yang ada pada sistem ekzos yang panas.</p>	<p>Boleh – Tetapi hanya jika kenderaan itu dipasang dengan alat penyenyap yang baik yang boleh menyedut semua asap ekzos dari enjin melalui alat penyeyap itu.</p> <p>Tetapi perlu dielakkan jika boleh, oleh sebab bahaya kebakaran yang sangat besar yang ada pada tumbuhan kering dan sistem ekzos yang sangat panas.</p>
<p>Bolehkah saya menggunakan jentera yang berenjin pembakaran dalam atau berenjin panas, seperti traktor, penebas atau mesin pengorek atau pembuat jalan sejauh 9 meter dari sebarang tumbuhan, rumput, tunggul jerami, rumpai, tumbuhan bawah atau lain-lain tumbuhan?</p>	<p>Boleh – Tetapi hanya jika mesin itu</p> <ul style="list-style-type: none"> • tidak ada kerosakan dan kecacatan mekanikal yang boleh menyebabkan tercetus kebakaran; dan • dipasang dengan alat penangkap percikan api; dan • membawa bersama alat memadam api yang mengandungi <ul style="list-style-type: none"> ○ beg pam penyembur, yang tidak rosak, yang penuh bersisi dengan air, dengan muatan tidak kurang dari 9 liter; atau ○ pemadam api guna air, yang tidak rosak, penuh berisi air, dengan muatan tidak kurang dari 9 liter. <p>Traktor yang dipasang dengan pengecas turbo atau alat pencuci udara penyedut ekzos tidak perlu memasang alat penangkap percikan api.</p>	<p>Boleh – Seperti pada tempoh ada bahaya kebakaran. Walaubagaimanapun, jika boleh, tangguhkan kerja itu, oleh sebab risiko kebakaran sangat tinggi.</p>
<p>Bolehkah saya menggunakan gergaji rantai, penotong pohon atau rumput atau mesin rumput?</p>	<p>Boleh – Gergaji rantai, pemotong pohon atau rumput, atau mesin rumput yang biasa digunakan untuk tumbuh-tumbuhan hijau tanpa syarat-syarat tertentu.</p> <p>Gergaji rantai, pemotong pohon atau rumput atau mesin rumput yang digunakan untuk tumbuh-tumbuhan yang tidak hijau, mesti</p> <ul style="list-style-type: none"> • tidak ada kerosakan dan kecacatan mekanikal yang boleh menyebabkan kebakaran; dan • dipasang dengan alat penangkap percikan api yang baik; dan • kawasan dikeliling mesin seluas 3 meter harus dibersihkan dari bahan-bahan yang mudah terbakar; dan • pengguna mesin itu mesti membawa bersamanya alat pencegah kebakaran berikut <ul style="list-style-type: none"> ○ beg pam penyembur, yang tidak rosak, yang penuh bersisi dengan air, dengan muatan tidak kurang dari 9 liter; atau ○ pemadam api guna air, yang tidak rosak, penuh berisi air, dengan muatan tidak kurang dari 9 liter. 	<p>Boleh – Seperti pada tempoh ada bahaya kebakaran. Walaubagaimanapun, jika boleh, tangguhkan kerja itu, oleh sebab risiko tercetusnya kebakaran adalah sangat besar. Sila patuhi panduan langkah-langkah pencegahan yang diberikan bagi tempoh bahaya kebakaran dan berhati-hatilah dalam tindak-tanduk anda.</p>